

11/06/1999

CPU isytihar persidangan Kuala Lumpur cemerlang

Azizi Othman in London

LONDON, Khamis - Kesatuan Akhbar Komanwel (CPU), mengisytiharkan Persidangan Eye of The Tiger yang diadakannya di Kuala Lumpur, tahun lalu sebagai mencatat kejayaan paling cemerlang dalam sejarahnya.

CPU juga dalam Mesyuarat Agung Tahunan ke-89 yang diadakan di sini semalam, turut mengesahkan bahawa Forum Pengarang yang diadakannya di Pulau Pinang, beberapa sebelum persidangan itu, mencatat hasil positif.

Presiden CPU, Lyle Turnbull, dalam ucapannya berkata, di sebalik pelbagai kebimbangan delegasi yang hadir terhadap perjalanan operasi persidangan dwi-tahunannya di Kuala Lumpur itu, ia berjaya mencatat hasil membanggakan.

"Antara yang paling penting ialah ia dapat membawa CPU mendekati pelbagai masalah yang dihadapi oleh organisasi akhbar dari kalangan negara Dunia Ketiga, terutama di rantau Pasifik," katanya.

Sementara itu, Pengarah Eksekutif CPU, Mark Robinson, ketika membentangkan laporan operasi kesatuan itu, membuat rujukan spesifik terhadap kejayaan Forum Pengarang yang diadakan di Pulau Pinang itu.

"Sejumlah 87 wakil menyertainya dan daripada angka itu, 63 ialah pengarang pelbagai organisasi akhbar dari 63 negara, membuktikan betapa ia berjaya mencapai matlamatnya.

"Selain itu, sehingga hari ini, pelbagai perbincangan susulan daripada usul yang dibangkitkan dalam forum itu masih diadakan dan ia adalah lambang kejayaan cemerlangnya," katanya.

Beliau berkata, persidangan dwi-tahunan di Kuala Lumpur juga mempunyai satu ciri istimewa iaitu apabila CPU buat julung-julung kalinya turut mengadakan Forum Pendidik Komanwel (CEF).

Menurutnya, walaupun ia pada mulanya lebih bersifat program percubaan, ternyata inisiatif di Malaysia itu dapat memberi pelbagai input berguna kepada CPU mengenai bagaimana CEF harus dikendalikan pada masa depan.

Selain itu, Robinson berkata, komitmen dan sokongan padu yang diberikan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad terhadap persidangan dwi-tahunan itu juga amat dihargai CPU.

"Walaupun berdepan dengan beberapa masalah ketika itu, Dr Mahathir tetap sudi meluangkan masa merasmikan persidangan itu, malah bersedia mengadakan dialog terbuka dengan peserta.

"Beliau malah sedia menjawab soalan berhubung isu bekas timbalannya, Datuk Seri Anwar Ibrahim yang ketika itu baru dilucutkan jawatan dan ditahan polis secara terbuka dan berterus-terang," katanya.

Sehubungan itu, mesyuarat CPU semalam, turut merakamkan terima kasih kepada Pengerusi Malaysiannya, Datuk A Kadir Jasin atas sumbangan besar beliau dan pasukannya memastikan semua program berjalan lancar.

CPU juga mengucapkan penghargaan kepada semua pihak yang terbabit menjayakan persidangan dwi-tahunan itu, dan semua penaja persidangan termasuk kerajaan negeri Kedah, Perak, Perlis.

Mesyuarat CPU semalam memutuskan persidangan dwi-tahunannya selepas ini, diadakan di Barbados pada 20 hingga 3 Oktober tahun 2000.

(END)